

24/08/2005

MAHATHIR-AP

MAHATHIR CADANG ADA IMBANGAN DENGAN PROTON DALAM PEMBERIAN AP

GURUN, 24 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan pemberian Permit Import (AP) bagi membawa masuk kenderaan dari luar negara diseimbangkan dengan pengeluaran kereta Proton.

Beliau berkata keseimbangan itu perlu bagi memastikan jualan kereta Proton tidak terjejas yang akibatnya boleh memberikan kesan negatif terhadap industri automotif tempatan.

Dr Mahathir berkata apabila kerajaan membuka kilang Proton, banyak pihak berpeluang menjadi ejen jualan kereta berkenaan, tetapi jika terlalu banyak AP diberikan, banyak ejen terpaksa menutup perniagaan mereka.

"Kena seimbang antara pemberian AP dengan penjualan kereta Proton, kerana tidak mahu penjualan Proton terjejas serta menyebabkan banyak pihak lain seperti ejen jualan dan vendor menutup perniagaan," kata beliau semasa berucap pada majlis sambutan hari ulangtahun beliau yang ke-80, yang diraikan oleh Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd, pengeluar kenderaan Naza, di sini, hari ini.

Semasa diminta mengulas mengenai perkara berkenaan pada sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir berkata: "Kena ada imbalan, kalau nak bagi AP jangan sampai mati Proton dan kalau nak bagi Proton maju jangan bagi sampai mati pihak lain".

Beliau bagaimanapun berkata tiada formula tertentu dalam menyeimbangkan pengeluaran AP itu.

Dr Mahathir berkata semasa beliau menjadi Perdana Menteri, kerajaan melaksanakan pemberian AP bagi memberi peluang bumiputera menjadi usahawan menjual kereta import, bagaimanapun ada pihak menyalahgunakan keistimewaan itu dengan "membuka kedai menjual AP".

"Kerana AP, ramai usahawan telah berjaya membuka kedai menjual kereta import, tetapi ada di antara mereka itu mengambil jalan mudah mengaut keuntungan dengan menjual AP berkenaan," katanya.

Mengenai majlis sambutan hari jadi itu, beliau melahirkan rasa syukur kerana majlis itu dihadiri lebih 1,000 orang kebanyakannya penduduk sekitar Gurun.

-- BERNAMA

MZM NHD